

04 SEP 1998

Muhyiddin-khianat

TIDAK ADA SIAPA BUAT KHIANAT TERHADAP ANWAR, KATA MUHYIDDIN

KUALA LUMPUR, Sept 4 (Bernama) -- Tidak ada sesiapa yang mengkhianati bekas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim, kata Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin hari ini.

Ini terbukti apabila Anwar diberi peluang untuk bercakap membela dirinya (pada mesyuarat Majlis Tertinggi), katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan di Kongres Saintifik Komanwel dan Antarabangsa di Universiti Malaya di sini.

Anwar telah mendakwa satu "konspirasi peringkat tinggi" mahu menjatuhkannya.

Muhyiddin berkata secara peribadi beliau sedih bersimpati dengan apa yang berlaku terhadap Anwar tetapi menganggapnya sebagai takdir yang perlu diterima oleh semua pihak.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mempertimbangkan semua pilihan sebelum membuat keputusan untuk memecat Anwar dari Kabinetnya demi kepentingan negara.

Di KOTA BAHARU, Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Abu Zahar Isnin, yang sedang melawat Kelantan, yang juga anggota Majlis Tertinggi Umno, berkata anggota-anggota Umno mempunyai tanggungjawab moral untuk menjaga nama baik parti dan mereka yang gagal berbuat demikian perlu disingkir.

"Saya bukan menuding jari kepada sesiapa, hanya mengingatkan anggota-anggota," katanya kepada pemberita selepas melancarkan jentera pilihanraya Umno untuk kawasan Parlimen Peringat di Kampung Chengal, kira-kira 20km dari Kota Baharu.

Abu Zahar berkata Umno Melaka menyokong penuh keputusan Dr Mahathir memecat Anwar dari Kabinet dan keputusan Majlis tertinggi memecat beliau dari parti.

"Pemimpin datang dan pergi tetapi Umno mesti terus kekal sebagai parti yang kuat untuk memperjuangkan kepentingan rakyat dan negara," katanya.

Timbalan ketua perhubungan Umno Kelantan Datuk Annuar Musa, yang juga ketua Umno bahagian Peringat, berkata Majlis Tertinggi telah mengambil kira kepentingan parti dalam membuat keputusan mereka memecat Anwar.

-- BERNAMA

NY BD WAT